

B 8480 AAB
MAHATHIR - KANADA

1985

KUALA LUMPUR, 12 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR NEGARA-NEGARA MAJU YANG MENURUTNYA TIDAK BERMINAT MENGADAKAN ALIRAN PERDAGANGAN YANG BEBAS DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA MASIH MERASAKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK JUJUR DAN TIDAK BEGITU BERMINAT UNTUK MENGGALAKKAN ALIRAN PERDAGANGAN BEBAS ANTARA DUA PIHAK ITU, KATA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, DATUK MON JAMALUDDIN DI SINI PETANG INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SELEPAS SETIAUSAHA NEGARA BAGI HAL EHWAL LUAR KANADA, ENCIK JOE CLARK MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI DI PEJABATNYA DI SINI.

MENURUT DATUK MON, PERDANA MENTERI TELAH MENYATAKAN PERHATIAN BERATNYA TERHADAP DASAR PERLINDUNGAN PERDAGANGAN DAN TARIF DI NEGARA-NEGARA MAJU ITU.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA SENTIASA PERCAYA KEPADA PERDAGANGAN BEBAS. -- LAGI.

2054MST 12 07 85

D784

B B481 AAB
MAHATHIR - KANADA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENYARANKAN AGAR PERDAGANGAN ANTARA KANADA DENGAN MALAYSIA DITINGKATKAN, KERANA PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ITU SETAKAT INI ADALAH KECIL.

SELAIN MENINGKATKAN PERDAGANGAN, KANADA JUGA DIMINTA MEMBANYAKKAN PELABURANNYA DI NEGARA INI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU PERDANA MENTERI BERHARAP NEGARA ITU DAPAT MEMINDAHKAN TEKNOLOGINYA KE NEGARA INI.

KANADA PULA, MENURUT DATUK MON, TELAH MENYATAKAN KESUDIAN UNTUK MENGADAKAN SATU SEMINAR PERDAGANGAN DI NEGARA INI BAGI TUJUAN ITU. BAGAIMANAPUN BELUM DITENTUKAN TARIKH SEBENAR SEMINAR SEUMPAM ITU.

MENYENTUH SOAL PELAJARAN, PERDANA MENTERI BERHARAP KANADA MENIMBANGKAN KEMASUKAN PARA PENUNTUT NEGARA INI KE TAHUN TIGA DAN EMPAT DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGARA ITU.

PARA PENUNTUT ITU BOLEH MENGIKUTI PENGAJIAN TAHUN PERTAMA DAN KEDUA DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN. -- LAGI.
2101MST 12 07 85

D786

B B482 AAB
MAHATHIR - KANADA 3 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK MON, MENTERU KANADA ITU TELAH MENYATAKAN BAHAWA NEGARANYA AKAN MENGAJAI SARANAN ITU.

PERKARA-PERKARA LAIN YANG DIBINCANGKAN TERMASUK PERMINTAAN KANADA UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT TENTANG PANDANGAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERKEMBANGAN ASEAN.

BAGAIMANAPUN SOAL KEGANASAN DAN DADAH TIDAK DIBINCANGKAN DALAM PERTEMUAN SELAMA SEJAM ITU, KATA DATUK MON. -- BERNAMA.
2104MST 12 07 85